

Perlu ilmu untuk

BAHAGIAN KEDUA

MUKADIMAH: Pengarah Perkhidmatan Maklumat Islam, Dr. Nazir Khaja baru-baru ini melawat Malaysia dan telah menemu-bual Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai pelbagai isu penting.

Perkhidmatan Maklumat Islam yang menerbitkan sebuah rancangan mingguan televisyen berpejabat di Los Angeles, Amerika Syarikat.

Sedutan interviu Dr. Khaja dengan Dr. Mahathir itu telah disiarkan di dalam majalah *The Minaret* bagi keluaran Mei/Jun 1994. Semalam telah disiarkan bahagian pertama interviu tersebut. Hari ini disiarkan bahagian kedua.

DR. KHAJA: Apakah yang sepatutnya menjadi asas hubungan Islam dengan Barat? Apakah Islam ancaman terbaharu kepada Barat?

DR. MAHATHIR: Jika Muslim mengambil sikap konfrontasi, maka sudah tentu kita akan mendapat (tidak balas konfrontasi dan kita akan menggantikan komunis sebagai musuh Barat. Tetapi apakah itu tuntutan Islam ke atas kita?

Kita tidak bersetuju dengan falsafah mereka, tindakan mereka menyisihkan agama dan sikap ekstrem materialisme mereka.

Namun pada masa yang sama, kita perlu akui bahawa mereka mempunyai dan telah memajukan bidang ilmu yang luas yang memberi faedah kepada mereka dan boleh juga membawa faedah kepada kita.

Kita mesti bersedia untuk belajar dan mendapatkan ilmu-ilmu ini kerana ia akan membantu kita membebaskan diri daripada Barat. Tetapi apabila kita berkata kita menentang Barat dan kita mesti menolak semua yang berkait dengan Barat, kita juga menolak sesuatu yang berfaedah untuk kita.

Saya tidak percaya kita perlu menerima falsafah hidup mereka (Barat), tetapi mempelajari sains nuklear adalah penting bagi kita. Pelaksanaannya akan berpandukan kepada agama kita.

Sistem kerajaan, organisasi dan aturan mereka telah membolehkan mereka berkembang dan menjadi kuat sehingga dapat menjajah kita. Kita mesti belajar daripada institusi-institusi mereka.

DR. KHAJA: Terdapat banyak artikel akhbar dan rencana oleh pemikir-pemikir terkenal, seperti Samuel Huntington, profesor di Harvard, yang mengisytiharkan Islam sebagai musuh nombor satu Barat. Dalam majalah *Foreign Affairs* dalam rencana bertajuk, "Pertembungan Peradaban", beliau mengetengahkan idea bahawa Islam mungkin merupakan ancaman terbaru?

Seorang yang mempunyai latihan agama boleh mendapat kuasa, tetapi tidak tahu menggunakan kuasa secara berkesan. Untuk mengekalkan dirinya, ia menghaiang orang lain daripada mendapat ilmu yang boleh menjejaskan kedudukannya

DR. MAHATHIR: Cara sesetengah orang Islam bertindak dan menterjemahkan agama mereka boleh membuat seseorang itu menyimpulkan mereka (Muslim) sebagai ancaman. Bagaimanapun Muslim hendaklah membetulkan tanggapan salah bahawa mereka perlu bertentangan dengan Barat dalam apa sahaja yang mereka lakukan.

Jika kita tidak bertindak kerana tekanan-tekanan itu dan tidak melakukan apa yang dianggarkan oleh mereka (di Barat) terhadap kita, sebagaimana yang diramalkan oleh puak haluan kanan, maka kita memperlihatkan wajah sebenar Islam dan hubungannya dengan bukan Islam.

DR. KHAJA: Bagaimana Dr. mendefinisikan kepimpinan Islam yang ideal?

DR. MAHATHIR: Seorang pemimpin Islam mesti tahu agamanya.

Jika ia seorang pengurus yang berwibawa, ia akan hanya menumpukan perhatian terhadap aspek itu tanpa memikirkan agamanya. Ia tidak mengambil peduli untuk menerapkan nilai-nilai agama ke dalam tindak tanduknya.

Dalam hal lain, terdapat orang yang hanya tahu agama, dan yang mendapat kedudukan berkuasa dan menolak sistem kerajaan yang berkesan.

Seorang yang mempunyai latihan agama boleh mendapat kuasa, tetapi tidak tahu menggunakan kuasa secara berkesan. Untuk mengekalkan dirinya, ia menghalang orang lain daripada mendapat ilmu yang boleh menjejaskan kedudukannya.

DR. KHAJA: Apakah terdapat sistem ketanggungjawaban atau *checks and balances* dalam negara yang mendakwa Islam?

DR. MAHATHIR: Islam ialah agama yang memasukkan konsep konsensus dalam membuat semua keputusan, sedangkan pada masa itu, Eropah feudal masih tidak percaya kepada konsensus, ia masih percaya kepada peraturan *authoritarian* feudal.

Islam sudah memperkatakan tentang konsensus, malah pemilihan pemimpin adalah secara demokratik. Jadi apabila kamu dipilih dalam satu sistem demokratik, walau bagaimana terhad pun, kamu bertanggungjawab, kalau tidak kamu tidak akan dipilih.

Dan orang yang memilih, mesti tahu bahawa mereka mempunyai tanggungjawab untuk memilih orang yang tepat; pemimpin yang tepat. Islam memberikan ketanggungjawaban yang memadai, jika kita mengamalkannya. Bagaimanapun, orang Islam seringkali menerima sebuah kerajaan *authoritarian* keras yang berasaskan Islam dalam usaha mengekalkan sistem tersebut.

DR. KHAJA: Jadi, ia lebih kepada kesilapan orang Islam sendiri daripada kesilapan dalam teori Islam mengenai negara atau kerajaan?

DR. MAHATHIR: Tidak ada sebarang kesilapan dengan agama itu. Kesemuanya benar. Bagaimanapun, orang Islam yang salah.

DR. KHAJA: Bagaimana mengenai isu *pluralism* dan Islam? Di Amerika Syari-

bebaskan diri

kat, kami hidup bersama orang yang berlainan agama dan kami adalah kumpulan minoriti. Saya pernah mendengar kritikan bahawa orang Islam menindas kumpulan-kumpulan minoriti, dan apabila mereka hidup sebagai kumpulan minoriti, mereka selalu mencetuskan kekacauan. Apa komen Dr.?

Saya tidak percaya kita perlu menerima falsafah hidup mereka (Barat), tetapi mempelajari sains nuklear adalah penting bagi kita. Pelaksananya akan berpandukan kepada agama kita

DR. MAHATHIR: Kita di Malaysia agak bertuah kerana sentiasa hidup dalam masyarakat berbilang bangsa. Di Malaysia kita mempunyai tiga bangsa utama yang mengamalkan tiga agama utama.

Kita mempunyai orang Islam di kawasan pantai Malaysia: Orang Islam 100 peratus, dan kita juga mempunyai orang Cina yang menganuti sama ada ajaran Taoisme atau Buddha. Selain itu, kita juga mempunyai penganut Hindu, dan di kalangan orang India kamu juga akan bertemu penganut Kristian.

Kita perlu hidup dengan mereka, dan kita belajar menyesuaikan diri sungguhpun tabiat makan kita, konsep kebersihan kita, dan sistem penilaian kita jauh berbeza.

Contohnya, apabila orang Melayu, kaum Muslim, mahukan agama Islam menjadi agama rasmi negara, tidak ada banyak bantahan; mereka menerimanya kerana mereka tahu ini bukan membayangkan penindasan atau penghalang kepada mereka untuk beribadat mengikut cara mereka sendiri. Mereka bebas melakukan apa yang mereka suka dan menjalankan ibadat mengikut kepercayaan mereka.

Yang pentingnya jika kaum majoriti Islam melayani kaum bukan Islam dengan adil, mereka akan menerima kami. Dan jika kami satu kumpulan minoriti, kami tidak seharusnya memencilkan diri atau menimbulkan masalah-masalah yang tidak sepatutnya kerana dalam Islam ada banyak fleksibiliti.

Contohnya, dalam sembahyang, jika kamu tidak mempunyai masa, kamu boleh menggabungkan dua waktu sembahyang dalam satu waktu. Malah dalam berpuasa, jika kamu sakit, kamu tidak perlu puasa; kamu boleh berpuasa kemudiannya.

DR. KHAJA: Dr. ada membicarakan tentang mengintegrasikan nilai-nilai Islam dengan hal ehwal kerajaan dan menjalankannya dengan jaya. Bagaimana Dr. melakukannya? Contohnya, kewangan dan perbankan Islam, mempunyai pendekatan yang amat jauh bezanya, satu pengertian yang berlainan, berbanding dengan perbankan cara Barat. Dan di Malaysia, kedua-dua sistem ini dilaksanakan. Bagaimana Dr. melaksanakan semua pembaharuan ini?

DR. MAHATHIR: Yang penting ialah kita tidak mengenakannya ke atas masyarakat lain. Undang-undang keluarga Islam hanya melibatkan orang Islam. Dalam hal kewangan, kita memulakan bank Islam di Malaysia sejak dahulu lagi. Tidak diwajibkan kepada orang Islam atau bukan Islam untuk menggunakan bank Islam.

Kita yakin bahawa jika kita dapat membuktikan sistem itu dapat dilaksanakan, maka ia akan diterima, mula-mula oleh orang Islam, kemudian oleh bukan Islam. Hakikatnya, ia menjadi begitu popular sehinggakan Shell, contohnya, telah meminjam wang di bawah sistem Islam kerana ia dapat dilaksanakan.

Apa yang penting ialah membuktikan bahawa sistem Islam bukan regresif, yang ia boleh disesuaikan dengan keadaan moden. Kita telah membuktikan bahawa tanpa mengenakan faedah, kamu masih boleh melakukan urusan kewangan. Yang penting ialah membuktikan yang ia boleh dilaksanakan, bukan mendesak yang kamu mesti menerimanya.

● Bersambung esok.